


# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Azlan Wildan, Hanan Othman, Farah Ruslin dan  
Sharifah A. Samad  
**Aku Budak Dekan**

Kajang, Selangor: Humaira Publication Sdn Bhd, 2016.  
178ms.  
ISBN 978-967-13871-0-8

## ULASAN

Aku Budak Dekan merupakan sebuah buku motivasi yang memberi fokus kepada pelajar-pelajar bukan hanya di peringkat universiti, malah ia juga boleh menjadi inspirasi dalam meningkatkan kecemerlangan dalam pendidikan untuk pelajar di peringkat sekolah menengah. Ini kerana, situasi dan tip kejayaan seorang yang bergelar penuntut ilmu itu merangkumi pelajar sekolah hingga ke peringkat pendidikan tinggi iaitu PhD.

Buku yang dihasilkan melalui pengalaman dan perkongsian ilmu daripada empat (4) orang belia yang berjaya ini memberi hala tuju perbincangan yang berbeza agar menjadi satu rangkuman perkongsian motivasi yang bermakna kepada pembaca. Perkongsian ilmu budak dekan ini diterjemahkan melalui empat (4) topik yang berbeza berdasarkan penulisan pengarang yang terlibat.

Topik pertama menyentuh perkara berkaitan niat dan hala tuju, suasana belajar yang kondusif, disiplin dan istiqomah serta perancangan dan strategi dalam memastikan keputusan yang cemerlang dapat dicapai. Ini merupakan persediaan awal dalam menentukan kejayaan dalam peperiksaan.

Sementara itu, topik kedua memberi penekanan kepada cabaran-cabaran yang bakal dihadapi oleh remaja dalam menentukan matlamat masa depan sama ada untuk melanjutkan pelajaran, bekerja mahupun berumahtangga. Persoalan ini sering timbul kerana faktor kewangan dan komitmen keluarga. Cabaran ini seringkali menghantui pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi kerana membuat pilihan yang salah akan menjaskan ruang dan peluang untuk meningkatkan kecemerlangan pendidikan dan kemajuan kerjaya seseorang. Pengarang menyentuh isu kewangan, membangkitkan kembali semangat selepas kegagalan, nilai persahabatan, pilihan perubahan bagi program yang tidak diminati serta dilema antara jodoh dan akademik.

Satu persatu cabaran ini dikupas dan diberi pencerahan agar pembaca khususnya para pelajar dapat membuat pilihan terbaik. Topik ketiga yang dikupas dan dikongsi oleh pengarang adalah mengenai penentuan *mindset* dan semangat 'Aku Boleh dan Aku Nak'. Jati diri yang tinggi mampu memberi kekuatan kepada pelajar bahawa setiap kesukaran pasti ada jalan penyelesaian. Allah tidak akan menduga seseorang luar dari kemampuannya. Justeru, setiap individu perlu yakin bahawa setiap kejayaan boleh dicapai dengan sentiasa berfikiran positif dan membina pemikiran yang positif untuk hasil yang lebih positif.

Topik terakhir yang dibicarakan oleh pengarang adalah mengenai tips untuk skor peperiksaan. Pengarang turut berkongsi pengalaman sebagai mahasiswa di salah sebut IPTA yang mana keperluan penglibatan aktif dalam berpersatuan kerana ia merupakan nilai tambah untuk melahirkan mahasiswa yang berkualiti, berkemahiran dan berprestasi tinggi. Dalam hal ini, pengarang mengesyorkan beberapa tips menjadi mahasiswa/i popular melalui dakwah disamping mencari ilmu sebagai satu jalan mencari redha Allah dan kecemerlangan hidup.

Penyampaian mesej motivasi ini mampu mendekatkan hati pembaca khususnya pelajar-pelajar kerana teknik penyampaian, gaya bahasa yang mudah dan contoh kes adalah berdasarkan catatan pengalaman pengarang sendiri sebagai perkongsian yang logik dan realistik.

Secara keseluruhannya, buku ini memfokuskan subjek psikologi dan kaunseling ini mensasarkan pelajar-pelajar yang ingin dan sedang melanjutkan pelajaran ke peringkat IPTA/IPTS.

**Pengulas:**

**Ali bin rashid**  
Timbalan Pengarah  
Bahagian Pinjaman  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Anjali Arora, Dr.  
Ketahui Kesihatan Anda. 5 Langkah Ke Arah  
Pemakanan Sihat  
Johor: UTM Press, 2016. 64ms.  
**ISBN 978-967-13971-1-4**

## ULASAN

Manusia diberi pilihan untuk memilih pelbagai jenis makanan yang terdapat di sekeliling mereka. Namun, untuk memperolehi diet yang sihat pemilihan makanan yang seimbang dari segi karbohidrat, lemak, protein, mineral dan vitamin amat perlu diberi perhatian.

Buku ini mengandungi soal jawab tentang diet supaya pembaca dapat memahami diet yang diamalkan selama ini adalah diet yang menyihatkan atau sebaliknya. Pembaca dapat menilai samada jenis makanan yang digemari dan menikmatinya setiap hari adalah baik atau sebaliknya.

Kita harus sedar akan kepentingan sumber makanan yang kita nikmati setiap hari terutama khasiat yang dibekalkannya. Ada yang memberi kita sumber protein iaitu untuk membina dan membaik pulih tubuh. Karbohidrat pula membekalkan tenaga dan membantu untuk berasa gembira. Lemak yang disimpan penting untuk memanaskan

tubuh. Vitamin dan mineral memberikan tenaga kepada kitaran metabolisme agar tubuh serta minda kita dapat berfungsi dengan normal. Perincian berkaitan kandungan dan sumber yang didapati dalam pemakanan yang diambil setiap hari ada dinyatakan supaya kita memahami dengan lebih mendalam lagi. Kesan daripada pengambilan makanan tersebut juga dihuraikan yang mungkin selama ini kita tidak mengetahuinya.

Mungkin ramai di kalangan kita tidak menyedari bahawa rempah-ratus dan perencah yang sering kita gunakan dalam penyediaan makanan mempunyai nilai perubatan dalam menyembuhkan pelbagai jenis penyakit seperti biji halba untuk penyakit gout dan kencing manis. Dalam pengambilan makanan harian, kita perlu menyedari bahawa semua makanan yang lazat tidak semestinya baik untuk kita. Oleh itu, kita haruslah ingat bahawa kitalah yang bertanggungjawab mengamalkan diet yang seimbang. Dalam pengambilan garam, ianya patut diambil dalam jumlah yang paling minimum agar dapat menghindari strok dan tekanan darah. Selain garam, gula juga patut diambil dalam kuantiti yang sederhana terutama jika diambil bersama makanan berlemak tinggi.

Tubuh manusia memerlukan 2.0 - 2.5 liter air sehari. Fungsi air ini adalah untuk menstabilkan suhu tubuh, membawa nutrien keseluruh tubuh, mengumuhkan bahan buangan, pelinciran sendi dan ianya sebahagian daripada darah dan bendalir tubuh lain. Setiap air yang hilang daripada badan perlu diganti dan ianya tidak boleh diabaikan. Tenaga harian yang berjumlah 60 – 75 peratus digunakan untuk memastikan kita terus hidup. Kadar metabolisme rehat iaitu jumlah tenaga ini merupakan jumlah kalori yang kita gunakan untuk berehat sepanjang hari. Namun, jumlah tenaga harian kita ialah 100 peratus dan ianya diagihkan kepada beberapa perkara seperti makan sebanyak 10 peratus, aktiviti fizikal sebanyak 15 –30 peratus dan selebihnya untuk metabolisme rehat seperti diperkatakan di atas.

Untuk mengukur karbohidrat, indeks glisemik digunakan yang bermula dari skala 0 hingga 100. Glisemik ada tiga iaitu tinggi, sederhana dan rendah. Indeks glisemik yang rendah dapat memperbaiki paras glukosa dan lipid bagi penghidap diabetes. Ia menolong mengawal selera dan melambatkan rasa lapar dan contoh makanan

tersebut ialah sayur-sayuran, buah-buahan, oat, roti gandum penuh, pasta, beras keling, barli, susu tanpa lemak dan yogurt. Manakala roti putih, kentang, jus, kurma, emping jagung dan glukosa indeks glisemiknya tinggi. Makanan yang indeks glisemik sederhana pula termasuk roti perang, bertih jagung, nasi putih, jagung manis, piza berkeju, buah pic dalam tin, oat segera dan nanas segar.

Makanan organic seperti sayur-sayuran dan buah-buahan adalah makanan yang paling berkhasiat untuk dinikmati kerana ianya segar yang dihasilkan tanpa penggunaan bahan kimia dan ianya mudah rosak. Manakala serat pula membantu mengurangkan kolesterol dan trigliserida dalam tubuh dan pengambilannya haruslah dalam lingkungan 40 gram bagi lelaki dan 25 gram bagi wanita.

Sebelum menikmati makanan dalam pek atau tin pengguna perlulah mengambil tahu kandungannya berdasarkan maklumat yang terdapat pada label yang dilekatkan. Kandungan yang terdapat pada tin atau pek ini biasanya dinyatakan dari segi kalori, protein, karbohidrat dan lemak. Setelah mengetahui panduan tentang pemakanan ini, maka pilihan adalah terletak di tangan kita samada untuk mengamalkan diet sihat atau sebaliknya.

**Pengulas:**

**Azuiah (PBN)**

Penolong Pustakawan

Bahagian Rangkaian Sistem Perpustakaan  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## ULASAN BUKU



Dr. Hisham Sharif

### Baksis Untuk ayah

Selangor : Humaira Publication Sdn Bhd, 2016. 128ms.

ISBN 9789670886381

## ULASAN

Menjadi seorang bapa atau ayah adalah impian setiap manusia yang bergelar lelaki di muka bumi Allah s.w.t. Mendidik anak di zaman serba canggih dan mencabar ini memerlukan persediaan yang rapi terutama dari segi mental, fizikal dan ilmu psikologi kekeluargaan. Al-Quran sarat dengan motivasi buat para ibu bapa dalam mendidik anak-anak. Pelbagai kisah jika diteliti dengan mata hati pasti akan memberi inspirasi buat setiap ayah dan ibu dalam meneladani jalan hidup orang-orang sukses yang telah berjaya dalam kehidupan mereka. Dalam al-Quran terkandung pelbagai kisah seorang ayah seperti dalam surah Maryam, Surah Yusof dan Surah Luqman.

Buku Baksis Untuk Ayah boleh dijadikan panduan untuk meningkatkan kefahaman mengenai tip-tip dan kaedah yang sangat berkesan untuk si ayah mempelajari teknik memikat hati anak-anak mereka dan bagaimana menjawab persoalan anak-anak yang pelbagai karenah. Buku ini mengandungi berbagai bentuk penerangan, kisah-kisah inspirasi dari al-Quran yang digarapkan dengan menggunakan bahasa yang mudah agar senang difahami oleh mereka yang bergelar bapa dari pelbagai golongan.

Penulis turut menyertakan tip tarbiatul aulad untuk ayah di mana penulis berkongsi tip mudah untuk mendekatkan diri dengan anak-anak.

Buku ini, selain dari muhasabah diri buat pembaca, ia juga adalah cetusan hati penulis buat para ayah agar lebih menghargai masa kualiti bersama anak-anak. Penulis menekankan aspek masa iaitu ayah harus meluangkan masa secara kualiti kepada anak-anak agar dapat melihat perkembangan anak-anak. Buku ini bersumberkan al-Quran dan Sunnah dan rujukan kepada para ulama terkenal seperti Dr. Abdullah Nasih Ulwan, Dr. Nur Hafizh Suweaid, Dr. Zahazan Muhammad dan Mohd Fudhill Azim.


Anak-anak adalah kurniaan Allah kepada manusia yang paling istimewa. Sebagai ibu bapa kita sanggup berkorban demi anak-anak yang kita cintai. Anak-anak adalah amanah yang dipertanggungjawabkan kepada ayah untuk mendidik dan mencorakkan masa hadapan anak-anak supaya berjaya di dunia dan akhirat.

Di antara yang menarik adalah tentang amalan para salaf dalam mendidik anak-anak seperti sentiasa menyebut didalam hati "Allah ada bersama-samaku, Allah melihat kepadaku dan Allah menyaksikanku". Buku ini sesuai untuk bacaan umum khususnya golongan pelajar, dewasa dan semua lapisan masyarakat kerana ianya diolah dalam bahasa yang mudah difahami. Buku ini adalah garapan khas penulis buat ayah yang berada di seluruh dunia.

**Pengulas:**

**Jamiliana Bt Jamil**  
Penolong Pengarah  
Pusat Penyerahan Terbitan Negara  
Perpustakaan Negara Malaysia

## ULASAN BUKU



Alwi bin adam

### 100 # TIP KEWANGAN PRAKTIKAL

Kuala Lumpur: Humaira Publication Sdn Bhd. 284ms.

ISBN 978-967-0886-26-8

## ULASAN

Buku 100 #Tip Kewangan Praktikal telah diterbitkan pada bulan Mei 2016 dan ditulis oleh Alwi bin Adam, seorang pelabur, usahawan, jurulatih dan perunding kewangan, bisnes dan motivasi sepenuh masa. Berkhidmat di EZAZ Wealth Management & Consultancy Sdn. Bhd. Beliau mendapat pendidikan di University of Melbourne, Australia dalam bidang Kejuruteraan Mekanikal tetapi beliau lebih berminat dalam bidang kewangan dan pelaburan. Antara kejayaan beliau dalam bidang kewangan ialah mengasaskan siri latihan bersistem seperti modul kewangan #DIY360Financial Freedom dan siri modul pelaburan #SMARTSAHAM.

Justeru, penerbitan buku ini adalah bertujuan untuk mendidik dan menyampaikan mesej kepada semua lapisan masyarakat supaya bijak menguruskan kewangan. Penulis mengemukakan ideanya dalam bentuk santai supaya dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Ia mudah difahami dan mengandungi maklumat yang ringkas, mudah, padat dan menjimatkan masa. Buku ini mensasarkan supaya pembaca dapat

membacanya dengan mode perlahan tidak dalam tergesa-gesa.

Hakikatnya pada hari ini masih ramai lagi menghadapi masalah kewangan, masalah muflis, masalah hutang keliling pinggang kerana berbelanja melebihi pendapatan, tidak mempunyai ilmu pengurusan wang yang efektif serta gagal menguruskan wang dengan betul. Justeru melalui buku ini penulis cuba memberi input yang berguna dengan menggariskan tip-tip yang praktikal untuk diperaktikkan secara berdisiplin dan konsisten dalam kehidupan sehari-hari. Sesungguhnya usaha ini jangan tertangguh kerana bertangguh bererti kita akan terus terjebak dalam masalah kewangan.

Tip-tip kewangan yang disarankan dalam buku ini memang diketahui semua tetapi sering diabaikan oleh kebanyakkannya. Oleh itu secara peribadi, saya menggalakkan anda membaca buku ini kerana anda bakal mengetahui dan menguasai asas-asas pengurusan wang dalam kehidupan sehari-hari iaitu bagaimana:

- ✓ Mengenal pasti punca pendapatan dan memulakan perancangan kewangan anda dengan cara yang betul;
- ✓ Menyemak status kewangan dan menyediakan pelan kewangan anda sendiri berdasarkan keperluan dan matlamat kewangan anda;
- ✓ Mengetahui kedudukan kedudukan kewangan anda ketika ini? Adakah berada dalam keadaan normal, ada lebihan wang atau terlebih belanja wang?;
- ✓ Menyemak perbelanjaan harian anda, mencatat dan langkah-langkah berjimat cermat dalam berbelanja;
- ✓ Untuk menambahkan pendapatan, simpan dan labur dengan cara yang sebenar;
- ✓ Mengetahui keperluan sebelum melabur dan potensi pulangan pelaburan yang anda sertai;
- ✓ Cara sebenar menggunakan Kad Kredit;
- ✓ Ketahui hak dan bilakah anda harus membuat pinjaman


Dalam buku ini juga ada jawapannya bagaimana mahu menyelesaikan masalah hutang sekiranya kita terjebak dalam hutang yang memudaratkan hidup kita iaitu menggunakan strategi *Snowball* dan strategi *Avalanche*. Penulis turut juga menggariskan tips perancangan kewangan bagi menghadapi usia persaraan "Si Pencen Bergaya" serta ditekankan penyucian harta iaitu melalui cukai, zakat, sedekah dan berbakti kepada kedua ibubapa bagi memenuhi tuntutan agama Islam. Perkongsian pengalaman penulis yang begitu luas dalam pengurusan kewangan ternyata amat membantu kita merancang dan menguruskan kewangan. Antara tips yang amat mudah diingat ialah kita hendaklah selaraskan matlamat kewangan, tambahkan simpanan, kurangkan perbelanjaan, belilah emas, insurans untuk melindungi diri dan aset, selesaikan hutang secepat mungkin dan melabur demi menjamin masa depan.

**Pengulas:**

**Meriyam bt Abd Aziz**

Penolong Pegawai Perpustakaan Kanan  
Bahagian Pembangunan Modal Insan  
Perpustakaan Negara Malaysia.

## ULASAN BUKU



Ustaz Pahrol Bin Mohamad Juoi  
RnR Hati  
Sri Damansara, Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd, 2014. 266ms.

## ULASAN

Buku ini adalah sebuah karya yang bertemakan pembentukan rasa kemudaan yang bertepatan dengan nilai Islam. Pengarang berpendirian bahawa muda bukan pilihan dalam menentukan fokus kehidupan. Oleh itu, naskhah ini telah dikarang sebagai panduan agar jiwa-jiwa muda tidak tersasar jauh malah teguh berpaksikan syariah Islam.

Intipati buku ini ialah bagaimana jiwa-jiwa muda mengawal diri dengan godaan kehidupan yang penuh dengan cabaran dan liku-liku kehidupan yang melekakan. Topik Identiti Anak Muda menekankan tentang ilmu perlu dicari malah difahami dengan mendalam agar hidup tidak tersimpang atau tersasar jauh tanpa panduan. Buku ini menekankan bahawa kejahanan yang paling besar adalah hawa nafsu dan tipu daya syaitan.

Topik mencari Cinta pula menekankan tentang kesedaran mencari cinta yang paling

tepat dan utama. Pendirian pengarang dalam topik ini menjelaskan bahawa cinta kepada Allah yang paling utama dan melebihi segalanya. Penilaian cinta bagi pengarang sebenarnya terletak di hati. Hal ini demikian kerana hati ialah raja yang mengawal seluruh anggota dan pancaindera manusia. Sebenarnya hati kita yang mengenali Allah di alam arwah terlebih dahulu dan bukannya akal kita. Cinta sejati bermula dengan cinta Allah.

Topik tentang Peribadi dan Perilaku Nan Indah pula menekankan penampilan dan sikap yang perlu dibentuk dalam diri seseorang. Pengarang telah menyentuh tentang nilai estetika, gejala-gejala sosial, aurat, wanita dan menjadikan Rasulullah SAW sebagai *role model*.

Secara keseluruhannya, buku ini sesuai untuk dibaca oleh semua lapisan umur terutamanya individu yang sedang mencari arah kehidupan yang sebenar.


---

**Pengulas:**

**Zaidi Bin Abdul**  
PenolongPengarah (K)  
BPMI  
Perpustakaan Negara Malaysia

---

## ULASAN BUKU



Raja Kamil  
**25 Tip Bisnes Internet**  
Kajang, Selangor: Humaira Publication Sdn Bhd, 2016.  
188ms.  
ISBN 978-967-86-0517-5

## ULASAN

25 Tip Bisnes Internet merupakan sebuah buku yang sarat dengan kaedah bisnes internet yang sangat berkesan yang cuba dikongsi oleh pengarang. Tip-tip yang dikongsi telah dibuktikan oleh pengarang sendiri dan mereka yang pernah mendapatkan khidmat nasihat pengarang. Buku ini mengandungi 5 bab iaitu perbelanjaan, bermiaga, meniaga online, motivasi dan berjaya dengan usaha yang mana dimasukkan bersama-sama contoh perbelanjaan serta ayat-ayat positif untuk panduan pembaca. Jika pembaca seorang yang berminat dengan bisnes internet, tidak mengetahui mengenai *business marketing*, tidak tahu memasarkan produk yang dijual dan merasa letih membuat perniagaan *offline* maka buku ini adalah asset terbesar buat mereka.

Kaedah bisnes Internet 100% telah berjaya dibuktikan oleh pakar *online marketer*. Satu persatu cabaran ini dikupas dan diberi pencerahan agar pembaca khususnya para peniaga *online* dapat membuat pilihan terbaik. Justeru, setiap individu perlu yakin

bahawa setiap kejayaan boleh dicapai dengan sentiasa berfikiran positif dan membina pemikiran yang positif untuk hasil yang lebih positif.

Dalam hal ini, pengarang mengesyorkan beberapa tips dan kes-kes menjadi peniaga *online* yang berkesan dan berkualiti. Elemen-elemen dalam tatacara perniagaan Islam juga diterapkan seperti jujur dan amanah supaya rezeki yang halal dapat dituai walaupun menempuh tempoh yang sukar.

Penyampaian mesej mudah dihayati pembaca khususnya bisnes melalui internet kerana teknik penyampaian, gaya bahasa serta contoh kes yang mudah hasil dari pengalaman pengarang dan individu yang pernah berkongsi dengan pengarang sendiri sebagai perkongsian yang logik dan realistik.


Secara keseluruhannya, buku ini berpaksikan subjek pandangan intenet yang mensasarkan peniaga online yang ingin menceburi bidang ini dan sudah menceburi supaya menjadi lebih baik.

**Pengulas:**

**Mohamad Razali Bin Abu Bakar**  
Penolong Pengarah Bahagian Pinjaman  
Bahagian Pengurusan Digital  
Perpustakaan Negara Malaysia



## ULASAN BUKU



Mohd Zulfadhl Abd Nasir  
**Formula Luas Rezeki**  
Shah Alam, Selangor: Grup Buku Karangkraf Sdn Bhd,  
2015. 245ms.  
ISBN 978-983-49-0596-5

## ULASAN

Naskah ini membantu pembaca membuka minda supaya sedar luasnya rezeki yang telah Allah s.w.t. kurniakan kepada kita. Nikmat mempunyai akal fikiran, jiwa, hati dan perasaan serta nikmat kehidupan itu sendiri merupakan sumber kekayaan dalam diri kita. Kita sebenarnya kaya tetapi kurang ilmu dan tindakan. Kekayaan bertitik tolak dengan kaya ilmu untuk kita mulakan tindakan untuk mencari rezeki dan kekayaan.

Rezeki ibarat air yang mengalir. Kehidupan yang dihiasi dengan sikap suka memberi dan bersedekah menjadikan rezeki kita semakin bertambah. Untuk memiliki rezeki yang banyak kita perlu terlebih dulu membuang segala kekotoran dalam diri kita termasuklah menjauhi perbuatan dosa. Sentiasa mensucikan diri dengan amalan dan mendekatkan diri kepada Allah s.w.t.

Untuk mencapai rezeki seluas lautan kita perlu ada 3 formula kaya berjaya iaitu mengubah cara berfikir dan menambah ilmu dengan kaya minda, mensucikan jiwa dengan kaya jiwa dan bertindak luar biasa dengan kaya tindakan. Formula ini menggabungkan kekuatan ilmu (minda), kekuatan jiwa (rohani) dan kekuatan tindakan (fizikal/usaha). Sebagai memulakan langkah jejak kaya dan berjaya dunia akhirat permulaan adalah mencari kejayaan minda kaya dengan ilmu bermanfaat, jika mempunyai minda yang sempit ilmu tidak akan bertambah. Jika ingin memulakan

sesuatu pekerjaan atau perniagaan pastikan kita sentiasa melapangkan minda dengan ilmu yang berkaitan. Rezeki yang berkat adalah rezeki yang diperoleh dengan cara halal hasil kerja yang dilakukan dengan amanah dan bertanggungjawab.

Rezeki amat luas termasuk pendapatan, kesihatan, ketenangan, kebahagiaan, memiliki kenderaan, tempat tinggal, keluarga bahagia, anak-anak, harta benda, tanaman dan sebagainya. Banyak atau sedikit rezeki tidak menjadi ukuran sebaliknya keberkatan daripadanya dikejar. Rezeki yang berkat akan membuat perkara lain turut diberkati. Maka berusahalah menjauhi rezeki yang tidak berkat, was-was dan ragu-ragu.

Antara punca rezeki tersekut termasuk tidak bersyukur atas nikmat sedikit atau banyak, malas bekerja dan bertindak, membuat maksiat dan dosa kecil atau besar, tidak menjaga solat dan amalan agama, tidak menambah ilmu, takut gagal, tidak berani bertindak, takut mencuba dan banyak memberi alasan.


Ubat rezeki yang tidak berkat dan tersekut ialah bertaubat dan kembali kepada Allah s.w.t. Ini kerana tidak ada manusia yang tidak pernah melakukan kesalahan. Tetapi sebaik-baik manusia yang melakukan kesilapan adalah mereka yang bertaubat dan menyesal atas kesalahan yang dilakukan. Oleh itu, lazimkan beristighfar dan bertaubat setiap hari. Dengannya dapat mencuci minda hati dan seluruh hidup kita kepada keadaan yang asal bersih dan suci sebagaimana kita baru dilahirkan.

**Pengulas:**

**Siti Aishah Bt Othman**  
Pembantu Pustakawan Kanan  
Perpustakaan Negara Malaysia

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Raihana Abdul Wahab, Dr. **Hilangnya Sinar Mentari: antara peluang dan harapan. Sebuah travelog gerhana matahari penuh**

Kuala Lumpur: Program Astronomi Islam, 2016.  
141ms.  
ISBN 9789675534539

Penerokaan dan pengalaman para pelajar Universiti Malaya dalam menjelaki gerhana bulan penuh di Indonesia telah menjadi inti pati kepada buku ini. Pengalaman yang dikumpul bermula dari proses mendapatkan dana sehingga berjaya dalam menyempurnakan program tersebut telah mengajar para pelajar ini dan seterusnya memberi motivasi kepada pelajar dan orang yang membaca buku ini. Walaupun ianya merupakan kompilasi catatan peserta program tetapi ianya banyak memberi pengajaran dan ilmu pengetahuan kepada pembaca. Pembaca diajak berfikir tentang kejadian ciptaan Allah yang sangat indah yang mana gerhana matahari ini akan berlaku dalam jangka masa 40 tahun sekali.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Mohd Ridhuan Tee  
Abdullah  
**Melayu: amal makruf  
nahi mungkar**  
Kuala Lumpur: Utusan  
Publications &  
Distributors, 2016. 202ms.  
ISBN 9789676127501

Tujuan dan matlamat hidup seseorang Islam Melayu di dunia dan akhirat merupakan persoalan yang dikupas oleh penulis dalam buku ini. Masyarakat Islam Melayu di Malaysia dikatakan amat kurang memberi penekanan kepada sikap jati diri sebagai seorang Islam. Membiaran orang lain menindas tanpa disedari, alpa dengan hiburan, sibuk dengan hal orang lain, menundung jari ke sana ke sini, dan merasa hanya diri sendiri sahaja yang betul. Sudah hilang jiwa Islam dan Melayu dalam diri sehingga tersasar dari landasan Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad S.A.W. Penulis buku ini ingin mengangkat tanggungjawab sebagai orang Islam agar masyarakat Islam Melayu di negara ini menjadi yang terbaik dan menjadi contoh serta ikutan kepada masyarakat dunia.

## SINOPSIS BUKU




Lily Moha & Ruqayyah Muhd  
**Apabila dietitian berbicara**  
Selangor : Legacy Publishing PLT, 2016.  
121ms.  
ISBN 9789670893136

Dietitian bercerita ini merupakan buku panduan pemakanan sihat yang mesti ada pada setiap orang. Setiap makanan yang masuk ke dalam perut akan menjadi darah daging dan apabila berlebihan akan menjadi racun. Pengalaman yang dikongsikan oleh penulis dalam kerjaya beliau sebagai dietitian di hospital menjadikan buku ini sebagai sebuah buku yang menarik, santai dan mudah difahami oleh sesiapa jua yang membaca. Panduan dan tip yang diselitkan oleh penulis amat bermanfaat kepada pembaca. Sebagai contoh, keperluan kandungan gula dalam badan seseorang, hendaklah betul supaya ianya tidak berlebihan yang boleh menyebabkan seseorang itu mendapat kencing manis. Pengambilan pemakanan yang sihat akan memberi kesan yang baik kepada fizikal dan mental seseorang.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Mifedwil Jandra Janan &  
Aminuddin Hehsan (editor)  
**Islam & Perubatan  
alternatif**  
Johor: Penerbit UTM  
Press, 2016. 100ms.  
ISBN 9789835211959

Setiap orang menginginkan sentiasa dalam keadaan sihat namun kita juga tidak menolak ujian dengan pelbagai penyakit, dan setiap penyakit itu ada ubatnya kecuali penyakit mati. Kita perlu memastikan perawatan yang dipilih tidak mendatangkan mudarat kepada pesakit. Sebagai contoh tidak menggunakan azimat, tangkal atau susuk atau ayat-ayat yang bukan dari ayat al-Quran. Kaedah yang dibenarkan oleh Islam juga adalah dari kalangan bahan-bahan yang halal seperti madu lebah atau sengatan lebah sebagaimana yang dijelaskan dalam buku ini. Selain itu buku ini turut mengulas serba sedikit mengenai Kitab *Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan* yang ditulis oleh Syeikh Wan Ahmad bin Muhammad Zayn bin Mustaffa al-Fatani dengan intipatinya adalah ilmu perubatan daripada al-Quran serta Hadis sebagai rujukan.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Abdul Muein Abadi  
(penterjemah)  
**Tranformasi Struktur  
Ruang Awam: suatu  
penyelidikan ke atas  
sebuah kategori  
masyarakat Borjuis**

Bangi : Penerbit Universiti  
Kebangsaan Malaysia,  
2016. 333ms.  
ISBN 9789674123321

Buku ini membincangkan mengenai sejarah-sosiologi berkaitan pemikiran politik era pasca-perang oleh Jurgen Habermas. Penulis telah membuat kajian ke atas golongan borjuis yang berbeza dari golongan bangsawan, sebagai contoh bilik tari menarinya seperti di rumah yang tidak seperti di istana. Ianya menjelaskan bahawa setiap aktiviti harian *lever* dan *coucher* diangkat sebagai hal ehwal awam. Penulis juga cuba membawa pembaca mengimbau kembali dari zaman Greek hingga era Barat moden mengenai evolusi interaksi ruang awam dan ruang peribadi dalam masyarakat demokratik. Ruang awam atau ruang autoriti awam wujud menerusi pentadbiran yang kekal dan tetap. Oleh sebab buku ini adalah terjemahan, susunan bahasanya agak sukar untuk difahami bagi golongan orang biasa tetapi ianya amat sesuai untuk golongan akademik.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



**Sukan & Teknologi**  
Johor Bahru : Penerbit  
UTM Press, 2016. 57ms.  
ISBN 978-983-52-1097-6

Teknologi merupakan salah satu faktor penting dalam bidang sukan dan aktiviti riadah. Perkembangan terkini dalam bidang sukan telah membuka pelbagai kemungkinan untuk integrasi teknologi dengan permainan sukan elit dan juga untuk masyarakat umum. Buku ini menonjolkan beberapa hasil penyelidikan inovasi dan produk dalam sukan elit seperti teknologi analisis kinematik pergerakan kaki dalam latihan sukan. Perkembangan terkini dalam bidang sukan ialah dengan terciptanya pelbagai peralatan sukan telah dicipta dan didedahkan secara terperinci dalam buku ini. Buku ini diharapkan dapat menjadi satu buku rujukan pembaca tentang teknologi sukan.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Nazarrudin Baharom  
**22 Sebab Melabur dalam  
Hartanah Sangat  
Menguntungkan**  
Kuala Lumpur : Naza  
Baharom Group Publication,  
2015. 28ms.  
ISBN 978-967-0685-84-7

Penulis berkongsi pengalaman beliau sepanjang menceburि bidang pelaburan harta tanah di Malaysia. Pengalaman beliau selama tiga belas (13) tahun dalam industri jual beli harta tanah telah dikongsi dalam buku ini. Beliau juga telah menganjurkan pelbagai seminar harta tanah bagi memastikan lebih ramai mengetahui teknik-teknik bagaimana untuk menjadi pelabur harta tanah yang berjaya dan beriman. Paling menarik ialah perkongsian ilmu tentang kaedah pembelian rumah secara percuma bagi memastikan lebih ramai masyarakat Melayu khususnya untuk memperoleh pendapatan lumayan dengan menceburkan diri dalam bidang urusniaga harta tanah.

## SINOPSIS BUKU




Kesediaan penerimaan adalah faktor paling penting dan perlu ada pada guru dalam memperkenalkan teknologi dalam bidang ini. Penerbitan buku ini bertujuan mengemukakan hasil kajian tersebut yang menyentuh pelbagai aspek termasuk penggunaan facebook dalam pembelajaran. Buku ini merungkai isu berkaitan penggunaan teknologi atas talian dalam pengajaran dan pembelajaran. Penerbitan buku ini diharap mampu menjadi rujukan dalam usaha membangunkan bahan pengajaran dan pembelajaran berdasarkan teknologi.

**Kajian Penerimaan &  
Penggunaan Teknologi  
dalam P & P**

Johor Bahru : Penerbit  
UTM Press, 2015. 122ms.  
ISBN 978-983-52-1079-2

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Khairul Ghazali  
**Berkebun Emas dengan  
Sedekah**  
Johor Bahru : Pustaka  
Azhar, 2015. 103ms.  
ISBN 978-967-0506-91-3

Buku ini merungkai rahsia kelebihan disebalik amalan bersedekah. Amalan bersedekah memiliki beberapa kelebihan bagi orang yang mengamalkannya termasuk mengundang rezeki dan menolak bala. Sabda Rasulullah S.A.W. "Bersegeralah bersedekah kerana bala musibah tidak akan pernah mampu mendahuluinya". Seorang mukmin berada dibawah naungan sedekahnya pada hari kiamat. Janganlah ragu-ragu untuk memberi sedekah walau berapa pun nilainya, kerana ia merupakan tabungan mukmin di akhirat kelak. Jadikan amalan sedekah sebagai tabiat yang sentiasa dilakukan. Janganlah meremehkan berapa pun infak dan sedekah yang kita berikan, walaupun jumlahnya sangat kecil, ia memberi berjuta kebaikan di dalamnya. Bersedekah ibarat berkebun emas, oleh itu sesiapa yang rajin dan gemar bersedekah, ia bagaikan memiliki "KEBUN EMAS".

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Norfishah Mat Rabi  
**Transformasi Pendidikan : Murid Kurang Upaya**  
Tanjong Malim, Perak :  
Penerbit Universiti  
Pendidikan Sultan Idris,  
2016. 260ms.  
ISBN 978-967-0924-36-6

Buku ini membincangkan pelbagai persoalan berkaitan dengan transformasi pendidikan untuk murid kurang upaya. Kategori murid kurang upaya yang diuraikan dalam buku ini adalah berkait dengan kurang upaya pendengaran, penglihatan, pertuturan, fizikal, dan masalah pembelajaran. Bagi memenuhi keperluan pendidikan mereka, kurikulum khas direka khusus untuk mereka bagi menjamin objektif pembelajaran tercapai. Kini pendidikan khas bukan hanya untuk menyampaikan ilmu berkaitan akademik, malah kurikulum yang direka juga menerapkan nilai-nilai kemahiran seperti pendidikan vokasional dan program inklusif di arus perdana. Huraian yang terperinci yang dipaparkan dalam buku ini diharap dapat membantu sesiapa sahaja yang ada hubungan dengan murid kurang upaya.

## SINOPSIS BUKU




Ahmad Zawawi Abdullah  
**Rahsia 1001 Sunnah  
Rasulullah**  
Rawang, Selangor:  
Pustaka Ilmuwan, 2015.  
334ms.  
ISBN 978-967-0634-38-8

Sunah bererti "cara" atau "amalan", dan dengan itu, Sunah Nabi bererti "cara Nabi", atau apa yang biasa dikenali sebagai kebiasaan Rasulullah S.A.W. Sunah juga bermaksud segala sesuatu yang diriwayatkan dari Rasulullah S.A.W. baik perkataan, perbuatan, ataupun persetujuan. Sunat pula bererti sesuatu yang pelakunya mendapat pahala dan tidak ada dosa bagi yang meninggalkannya. Di dalam menjalani kehidupan sehari-hari, umat Islam perlu memegang kuat amanat Rasulullah S.A.W. dengan mengamalkan cara kehidupan Rasulullah S.A.W. atau lebih dikenali sebagai sunah Nabi Muhammad. Sunah-sunah inilah yang menjadikan bekalan dan panduan bagi umat Islam demi menjamin kebahagiaan yang abadi sehingga ke alam akhirat kelak. Umat Islam yang mengamalkan sunah Rasulullah ini akan diberikan ganjaran yang berlipat ganda. Rasulullah adalah tokoh yang paling sempurna akhlak dan peribadinya serta menjadi ikutan kepada semua manusia di dunia ini. Maka, kerugian yang amat besar kepada manusia yang tidak mengamalkan setiap ajaran dan tinggalan Rasulullah dalam kehidupan sehari-hari mereka.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



**Menjejak Polemik  
Kewujudan Hang Tuah**  
Tanjung Malim, Perak :  
Penerbit Mentari, 2016.  
188ms.  
ISBN 978-967-0626-48-2

Kajian tentang Hikayat Hang Tuah dan Sejarah Melayu begitu banyak sekali dilakukan oleh para sarjana. Maka amat tepatlah Hikayat Hang Tuan dan Sejarah Melayu diiktiraf oleh UNESCO sebagai karya agung bangsa Melayu dan merupakan warisan dunia yang perlu terus dipulihara. Buku ini membincangkan mengenai kajian Hang Tuah dari kaca mata 2 kelompok sarjana. Kelompok sarjana yang mempertahankan kewujudan Hang Tuah mengemukakan bukti-bukti baharu yang ditemukan di Jepun dan tentunya memperkayakan lagi pengetahuan tentang Hang Tuah. Kelompok yang mempertikaikan kewujudan Hang Tuah wujud juga dengan mengeluarkan hujah-hujahnya tetapi pasti dapat ditewaskan oleh pandangan majoriti yang menyokong kewujudan Hang Tuah. Buku ini turut merakamkan sumbangan besar Hang Tuah kira-kira 600 tahun lalu yang kesannya masih terasa hingga sekarang. Hanya bangsa yang berjiwa besar dan hebat akan menghargai kehebatan perjuangan pahlawan bangsanya sendirinya.

## **SINOPSIS BUKU**




Zainab Ismail  
**Praktikum Bimbingan &**  
**Kaunseling : Satu**  
**Pengalaman dan**  
**Panduan Kepada**  
**Kaunselor**  
Bangi, Selangor: Penerbit  
UKM, 2016. 150ms.  
ISBN 978-967-412-384-0

Praktikum bimbingan dan kaunseling merupakan syarat utama yang perlu dilakukan oleh seorang kaunselor pelatih bagi melayakkannya untuk diiktiraf sebagai kaunselor yang terlatih. Buku ini memberikan pendedahan maklumat, pengalaman dan panduan kepada kaunselor pelatih yang akan menjalani latihan praktikum bimbingan dan kaunseling. Kaunselor pelatih juga dapat mengenal pasti aktiviti yang perlu dilaksanakan dalam tempoh menjalani latihan praktikum bimbingan dan kaunseling. Selain itu mereka juga dapat mengenalpasti jenis kaunseling dan alat bantu yang boleh dipraktikkan dalam latihan praktikum tersebut. Buku ini juga sangat bermanfaat kepada kaunselor pelatih, kaunselor terlatih, pensyarah, guru, penyelia agensi, serta semua pembaca yang terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling. Ia juga sesuai dijadikan rujukan asas khususnya bagi kursus bimbingan dan kaunseling pada peringkat pra-praktikum kerana merangkumkan disiplin ilmu kaunseling semasa yang merujuk kepada Barat dan disiplin ilmu kaunseling syar’ie yang merujuk kepada syariat Allah s.w.t.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Anwar Ridhwani  
**Budaya & rakyat :**  
**Kumpulan Artikel**  
Kota Damansara,  
Selangor: AR Matrix  
Enterprise, 2016. 240ms.  
ISBN 978-967-14107-0-7

Buku ini merupakan himpunan artikel terpilih penulis yang telah diterbitkan dalam akhbar Berita Harian. Berfokus kepada isu-isu yang berkaitan dengan bahasa, sastera, budaya dan penerbitan buku. Penulis memfokuskan kepada situasi masyarakat yang lebih memandang kepada aspek material dan gaya hidup yang moden sehingga ada yang lupa kepada produk budaya yang lebih murni iaitu bahasa, sastera dan budaya warisan. Bangsa Melayu yang dikenali kerana bahasanya yang indah serta mempunyai warisan sastera lama yang telah diiktiraf oleh UNESCO sebagai karya agung. Budaya warisan Melayu juga amat luas meliputi pelbagai bidang sesuai dengan keperluan bangsa ini yang mendiami tanah besar, laut dan kepulauan Nusantara. Akan tetapi perbicaraan tentang bahasa, sastera dan budaya Melayu ini mungkin digerhanai oleh isu-isu lain. Konsep pembangunan yang seimbang dapat menjadikan bahasa, sastera dan warisan budaya kita akan tetap terus terpelihara untuk generasi yang akan datang. Jika tiada keseimbangan itu, yang dilihat adalah raga tanpa jiwa dan generasi yang gersang jiwa serta akal budinya.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Aziz Suriani  
**Kampung Belum : Sebuah  
Kampung Tani Melayu  
Yang Dimusnahkan  
Penjajah British**  
Kuala Lumpur: Penerbitan  
Abad Dua Puluh Satu, 2016.  
347ms.  
ISBN 978-983-3164-49-3

Buku mengenai Kampung Belum ini telah disuaikan berdasarkan sebuah manuskrip lama yang pernah diterbitkan oleh Pejabat Kebenaran Sempadan Perak-Kelantan pada bulan Ogos 1959 di bawah kelolaan Regimen ke-10. Memandangkan versi asalnya yang bertulisan Jawi kian semakin kabur kerana faktor usianya maka penulis mengambil daya usaha menuliskan kisah Kampung Belum semula agar ia tidak hilang dan terpadam daripada alur sejarah. Kampung Belum bagi rumah kaca yang sentiasa di intai dan di intip setiap gerak laku penghuninya. Akhirnya pada 7 Februari 1952 kampung ini telah diserang dengan bom dari udara oleh askar British. Keseluruhan rumah-rumah, sekolah dan masjid dibakar, ladang-ladang dimusnahkan, binatang ternakan dibunuhi dan rakyat kaum tani di situ telah dihalau keluar secara paksa. Sejak saat itu, Kampung Belum perlahan-lahan digelapkan sejarahnya.

## SINOPSIS BUKU




Dr Hidayat Hakikat  
**Kisah Orang Kita**  
Kelantan: Idea Molek  
Enterprise, 2016. 191ms.  
ISBN 978-967-14056-0-4

Buku ini menceritakan tentang warna-warni kisah yang berlaku dalam masyarakat pada hari ini. Ia meliputi kisah hati, motivasi, hubungan kekeluargaan, kesihatan, kewanitaan dan pengurusan hidup. Terdapat sebanyak 23 bab yang mengandungi pelbagai cerita pendek yang dekat dengan hati pembaca untuk dijadikan panduan dalam meniti kehidupan yang penuh mencabar. Aspek-aspek kemanusiaan yang berlandaskan akhlak Islamiah turut terkandung di dalam buku ini untuk dijadikan panduan kepada pembaca bagi meniti kehidupan sehari-hari. Kandungan buku ini diharap dapat memberikan manfaat kepada pembaca agar menjadi manusia yang lebih baik pada masa depan.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Mohd Bin Samsudin  
**Persekutuan Malaysia 1961-1966: Penubuhan dan Cabaran**  
Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016. 518ms.  
ISBN 978-967-412-377-6

Buku ini adalah hasil penyelidikan berkaitan penubuhan Malaysia. Tujuan penyelidikan ini adalah untuk menjelaskan peranan kerajaan Persekutuan Tanah Melayu bagi merealisasikan sebuah Persekutuan Malaysia. Buku ini menerangkan tentang dua perkara penting tentang penubuhan Malaysia, iaitu usaha penubuhan dan cabaran yang dihadapi oleh Persekutuan Tanah Melayu. Dalam usaha penubuhan, perkara penting yang diberi perhatian adalah siri rundingan yang dijalankan di antara Tanah Melayu, kerajaan British, Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei. Turut dibincangkan ialah cabaran penubuhan Malaysia serta tentangan yang dihadapi daripada pihak Indonesia dan Filipina yang membawa kepada Konfrontasi Indonesia serta usaha-usaha yang dijalankan bagi menamatkan penentangan ini.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



Disunting Oleh Kamal Halili Hassan


### **Undang-Undang Industri: Pengguna dan Alam Sekitar**

Selangor: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016. 375ms.  
ISBN 978-967-412-345-1

Topik berkaitan undang-undang industri, pengguna dan alam sekitar amat penting untuk dianalisis kerana ia memberi kesan besar kepada industri dan masyarakat terutamanya golongan pekerja, pengguna dan masyarakat awam. Bencana kerja boleh memberi kesan kepada pekerja dan keluarganya. Justeru adalah penting supaya undang-undang keselamatan industri dikuatkuasakan dengan berkesan. Isu kepenggunaan juga tidak boleh dipandang ringan kerana pengguna mungkin menjadi mangsa akibat penggunaan bahan yang tidak menurut standard piawai yang ditetapkan. Isu alam sekitar juga harus diberi perhatian yang serius kerana alam sekitar merupakan sebahagian daripada kehidupan asasi kita. Secara ringkasnya buku ini mengetengahkan beberapa isu yang amat penting untuk perhatian dan kesedaran kepada semua pihak terutama dunia industri akan peri pentingnya mematuhi undang-undang industri, pengguna dan alam sekitar.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Mohd Kher Hussein  
**Pembangunan Landskap Lestari: Hutan Rekreasi Semenanjung Malaysia**  
Selangor: Penerbit  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia, 2016. 173ms.  
ISBN 978-967-412-263-8

Hutan rekreasi merupakan kawasan semula jadi yang perlu dipelihara dan diurus dengan baik untuk manfaat manusia dan kehidupan yang lain. Tanpa perancangan dan pengurusan yang sistematik ia boleh memusnahkan kawasan tersebut. Hutan rekreasi menjadi kawasan tumpuan bagi tujuan rekreasi, pelancongan, pendidikan, penyelidikan dan sumber rezeki pada masa kini dan akan datang yang mana memerlukan kebijaksanaan pihak berkaitan untuk membangunkannya. Buku ini membincarkan bagaimana pendekatan pembangunan lestari landskap hutan rekreasi harus diperaktikan di Malaysia mengikut piawaian yang digunakan. Buku ini sesuai dijadikan sebagai rujukan berkaitan landskap hutan rekreasi yang dibangunkan secara lestari.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



Zamri Zainuldin, Khairi  
Ismail

**LOST? Al-Quran Kan  
Ada...**

Selangor: Must Read Sdn.  
Bhd., 2016. 124ms.  
ISBN 978-967-0716-72-5

Buku ini sarat dengan kisah pengembalaan dakwah yang dipenuhi bimbingan motivasi yang bermanfaat. Dalam hidup ini, pengalaman merupakan guru yang terbaik. Penulis berjaya mengaitkan pengalaman beliau mendalami al-Quran dan menjadikannya sebagai panduan kehidupan. Hanya hamba Allah yang terpilih sahaja akan merasa nikmatnya kehidupan mereka berpaksikan al-Quran yang dijadikan panduan dalam segala aspek kehidupan. Buku ini merakamkan pengalaman dakwah Ustaz Zamri dan bagaimana beliau mengaitkan setiap kisahnya dengan ayat-ayat al-Quran. Dalam setiap butir pesanannya, terselit mutiara hikmah untuk semua.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU



Mengupas tentang obesiti dan masalah yang berkaitan. Obesiti adalah satu daripada penyakit utama yang berkait dengan gaya hidup pada abad ini. Obesiti merujuk kepada berat badan berlebihan dalam bentuk lemak akibat daripada tabiat pemakanan yang tidak sihat dan gaya hidup sedenteri. Justeru itu, pengarang buku ini telah berkongsi pelbagai jenis teknik untuk menurunkan berat badan. Buku ini juga memberikan panduan untuk mengekalkan berat badan normal dan membincangkan cara berdiet dan pelbagai jenis senaman untuk membentuk tubuh yang ideal.

Anjali Arora, Dr.  
**5 Langkah Untuk  
Mengurus Obesiti**  
Johor Bahru, Johor :  
Penerbit UTM Press, 2016.  
64 ms.  
ISBN : 978-967-0798-44-8


## SINOPSIS BUKU



Merupakan sebuah buku motivasi yang menerangkan bahawa setiap dari kita tidak akan rugi apabila menghayati amalan-amalan yang baik seperti sedekah, zakat, berbakti kepada ibu bapa, menolong orang dan sebagainya. Kandungan buku ini banyak memberi pengajaran kepada pembaca untuk terus bersyukur dengan apa yang kita ada dan sentiasa melakukan kebaikan. Turut dimuatkan firman Allah s.w.t dalam al-Quran untuk setiap topik yang dibincangkan. Terdapat juga cerita-cerita para sahabat untuk memberikan pengajaran dan renungan kepada pembaca mengenai baik buruk sesuatu perkara yang dilakukan.

Fadzil Abu Samah  
**Rengsa Mendakap  
Nikmat**  
Semenyih, Selangor :  
Humaira Publication Sdn.  
Bhd., 2016. 109 ms.  
ISBN: 9789670886305

## SINOPSIS BUKU



Sabaruddin Hussein  
**Tun M : Inilah Perjuangan**  
Kuala Lumpur : PTS  
Publishing House Sdn. Bhd.,  
2016. 291 ms.  
ISBN: 978-967-411-829-7

Buku ini merupakan catatan peribadi penulis mengenai idea dan juga pemikiran tokoh dan negarawan terkemuka di Malaysia iaitu Tun Dr. Mahathir Mohamad. Ia merupakan sebuah travelog dan temubual eksklusif berkenaan perjuangan Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam membangunkan negara Malaysia. Terdapat juga beberapa tokoh lain yang turut menyumbang maklumat untuk buku ini iaitu Tan Sri Arshad Ayub, Tan Sri Abdul Aziz bin Tapa, Tan Sri Datin Paduka Seri Dr. Aishah Ghani, Prof. Emeritus Dr. Datuk Nik Hassan Shuhaimi Abdul Rahman, dan Prof. Dr. Datuk Abdullah Zakaria Ghazali. Buku ini banyak memaparkan tentang bangsa Melayu sebagai bangsa majoriti yang mendiami Malaysia. Kandungan buku ini juga menekankan tiada larangan bagi memilih perbezaan fahaman politik kerana Malaysia mengamalkan konsep demokrasi.

## SINOPSIS BUKU



Fadzilah Amzah  
**Sfera Keindahan Dalam  
Cerita Penglipur Lara**  
Kuala Lumpur : Dewan  
Bahasa dan Pustaka, 2016.  
120 ms.  
ISBN: 978-967-388-223-6

Sastera sering dianggap sebagai cerminan terbaik untuk meneliti dan mengkaji sesebuah masyarakat. Genre penglipur lara merupakan sastera warisan Melayu lama yang kaya dengan nilai-nilai keindahan tetapi sudah tegggelam dalam peredaran zaman. Justeru, penerbitan buku ini merupakan satu usaha penulis untuk mengetengahkan semula genre sastera Melayu ini yang sedang bergelut agar dapat terus bertahan dalam dunia siber masa kini. Antara kandungan buku ini adalah menjelaskan tentang ciri-ciri dalaman dan luaran yang membina genre penglipur lara, konsep keindahan dalam sastera Melayu dan analisis kesan yang ditinggalkan oleh keindahan cerita penglipur lara.

## SINOPSIS BUKU



Hj Ahmad Zawawi Abdullah  
**Ilmu Faraid : Pengurusan Harta Pusaka Dalam Islam**  
Rawang, Selangor : Pustaka Ilmuwan, 2016. 264ms.  
ISBN 978-967-0634-46-3

'Faraid' dari segi bahasa mempunyai maksud yang banyak. Antaranya ialah menentukan, memastikan, menghalalkan dan mewajibkan. Menurut istilah syarak, Faraid adalah pembahagian harta seorang Islam yang telah meninggal dunia sama ada beliau meninggalkan wasiat atau tidak sebelum kematiannya. Buku ini mengupas topik mengenai pembahagian harta melalui hukum faraid. Menurut faraid, segala harta peninggalan tersebut yang dibahagikan kepada ahli waris (seperti anak, isteri, suami, ibu dan lain-lain), menurut hukum Islam. Harta yang dibahagikan setelah ditolak segala pembiayaan pengurusan jenazah, hutang pewaris (zakat, nazar dan sebagainya) dan wasiat yang dibenarkan oleh syarak (tidak melebihi 1/3 dari jumlah harta). Bentuk harta yang boleh dibahagikan secara faraid ialah tanah, bangunan/rumah, barang kemas seperti emas dan perak dan insurans serta wang tunai (sama ada dilaburkan atau tidak).

## SINOPSIS BUKU



Zuhriah Mohamad Juoi

### **Nota Cinta Ibu**

Shah Alam, Selangor :  
Grup Karangkraf, 2015.


153ms.

ISBN 978-967-86-0595-3

Buku ini mencatatkan pengalaman hidup yang dilalui oleh seorang wanita biasa dalam menjalankan tanggungjawab sebagai anak, isteri dan ibu. Dalam masa yang sama turut menunaikan amanah mengajar golongan yang ‘buta al-Quran’ sehingga berjaya mendalaminya dengan sempurna. Moga usaha membantu menyebarkan kalamullah itu dapat meraih saham akhirat kelak. Setiap pengalaman hidup yang dilalui mempunyai pengajarannya yang tersendiri. Buku ini mengajak pembaca untuk bermuhasabah dan memperbaiki diri menjadi hamba-Nya yang lebih baik. Jadilah anak yang soleh berbakti kepada ibu bapa, mengenang jasa dan menghormati kedua-duanya. Kita juga wajib bersyukur dengan segala apa yang dimiliki agar ia lebih mendekatkan lagi kita kepada Ilahi. Alangkah indahnya sisa-sisa kehidupan ini diisi dengan meneliti kelemahan diri dan mengurangkan sikap mencari kelemahan orang lain.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Magdeline Anak Nor  
**Pedagogi Kandungan**  
**Guru Bahasa Iban**  
Bangi, Selangor : Penerbit  
UKM, 2016. 328ms.  
ISBN 978-967-412-350-5

Buku ini bertujuan untuk berkongsi pengalaman penulis menjalankan kajian dalam bidang yang baharu terhadap sistem pendidikan kebangsaan, iaitu bidang Pendidikan Bahasa Iban. Bahasa Iban mula dijadikan sebagai mata pelajaran wajib di Sekolah Menengah Kebangsaan di negeri Sarawak mulai tahun 2007. Mata pelajaran bahasa Iban dikategorikan sebagai bahasa etnik dalam sistem pendidikan negara kita dan merupakan bahasa peribumi selain bahasa Kadazan Dusun dan bahasa Orang Asli. Sebagai bahasa utama di Sarawak, penguasaan mata pelajaran bahasa ini dalam kalangan murid-murid Iban kurang memuaskan. Selain tidak berminat mempelajarinya, faktor guru juga menyumbang kepada kemerosotan pencapaian dan motivasi murid-murid Iban dalam mata pelajaran Bahasa Iban. Buku ini sesuai dijadikan sumber rujukan kepada guru-guru Bahasa Iban di UPSI, IPG Kampus Rajang dan IPG Kampus Miri, Sarawak dalam menghasilkan guru Bahasa Iban yang berkualiti.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




**Teknik Asas  
Penyelidikan Makmal  
Bioteknologi**  
Tanjong Malim, Perak :  
Penerbit UPSI, 2016.  
132ms.  
ISBN 978-967-0924-18-2

Bioteknologi merupakan disiplin ilmu yang luas di mana proses biologi, organisme, sel-sel atau komponen selular dieksplorasi untuk membangunkan teknologi baharu yang menyumbang ke arah pembangunan penjagaan kesihatan, pertanian, penternakan dan sebagainya. Buku ini menerangkan teknik asas dan aspek penting yang perlu dititik beratkan dalam bidang bioteknologi. Ia mencakupi teknik dan prinsip asas yang lazim diaplikasikan dalam penyelidikan bioteknologi seperti pengekstrakan, pemisahan dan pengesanan biomolekul dan pengkulturan sel. Selain teknik asas, penulisan ini juga menyentuh aspek-aspek keselamatan makmal, reagen dan bahan kimia serta instrumen yang digunakan dalam bidang penyelidikan bioteknologi. Kefahaman ini akan dapat membantu penyelidik dan menjadi panduan penting kepada para pelajar atau sesiapa sahaja yang berminat dalam memahami dan mempraktikkan teknik bioteknologi dalam penyelidikan demi menjamin kelestarian sumber asli yang dinikmati kini.

# Sari Pustaka

## SINOPSIS BUKU




Ibrahim Sipan  
**Pelaburan Harta Tanah  
Pembangunan**  
Johor Bahru, Johor :  
Penerbit UTM, 2015.  
87ms.  
ISBN 978-983-52-1047-1

Pelaburan harta tanah pembangunan yang terbaik adalah pelaburan yang dapat memberikan keuntungan dari segi hasil dalam bentuk sewaan atau hasil dan pada masa yang sama ianya dapat memberikan keuntungan modal. Maksud keuntungan modal adalah harga pasaran semasa harta tanah itu sendiri mempunyai potensi kenaikan disamping keuntungan dari segi hasil. Buku ini membincangkan dengan jelas kepelbagaiannya faktor dalam pelaburan harta tanah pembangunan yang merangkumi faktor tarikan dan tolakan dalam pelaburan harta tanah seperti pelaburan pusat membeli belah, hotel dan potensi tanah perkuburan. Rangkuman penelitian terhadap pengukuran daya maju sesuatu projek, serta GIS sebagai sistem maklumat geografi dalam membantu membuat keputusan dalam pelaburan harta tanah pembangunan turut dibincangkan. Buku ini diharap dapat menambahkan dan meningkatkan pengetahuan berkaitan dengan pelaburan harta tanah selaras dengan perkembangan pesat ekonomi negara supaya dapat memaksimumkan pulangan dan juga nilai sesuatu pemilikan harta tanah.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Nurmilayanti Kamal Shah  
**Stres? Merawat Cara Islam**  
Rawang, Selangor :  
Pustaka Ilmuwan, 2016.  
218ms.  
ISBN 978-967-0634-50-0

Pelbagai tip dan kaedah bagi menangani stres berpandukan cara Islam dirungkaikan melalui buku ini. Stres adalah satu gambaran tentang tekanan perasaan seseorang sehingga tidak mampu menjalani kehidupan normal. Namun ini hanyalah satu persepsi negatif, malahan boleh menjadi persepsi sebaliknya dan pencetus motivasi bagi sesetengah orang yang bijak mengawalnya. Stres boleh diumpamakan sebagai sebilah pisau yang boleh menjadi alat berguna atau ancaman terhadap diri seseorang. Kita harus sedar dan mensyukuri bahawa segala yang berlaku adalah ketentuan dari Allah S.W.T. dan pastinya ada hikmah disebalik apa yang telah berlaku. Jelasnya stres adalah merupakan tangga ujian untuk mengukur keimanan seseorang dalam melangkah ke satu tahap keimanan yang lebih sempurna


## SINOPSIS BUKU



Fatimah Hj. Yusof &  
Katiman Rostam  
**Daya Saing Bandar  
Pertengahan**  
Bangi, Selangor :Penerbit  
Universiti Kebangsaan  
Malaysia, 2016. 359ms.  
ISBN 978-967-412-217-1

Penerbitan ini mengetengahkan aspek pembangunan bandar pertengahan yang berlandaskan teori daya saing bandar dengan rujukan khas kepada Perbandaran Kuantan. Pemboleh ubah ekonomi, sumber manusia, endowmen wilayah dan tadbir urus bandar digunakan untuk menilai daya saing bandar Kuantan. Daya saing bandar adalah isu besar dalam agenda pembangunan pada masa kini. Isu tersebut lebih ketara di bandar pertengahan yang mengalami kemerosotan kemasukan jumlah pelabur akibat persaingan global melalui kemunculan produk bahan serta inovasi selain perubahan ekonomi semasa. Cabaran utama bandar pertengahan pada masa kini adalah untuk meningkatkan keupayaannya dalam mengadaptasikan permintaan yang sentiasa berubah supaya dapat terus bersaing sebagai pusat pengeluaran yang unggul di dunia. Pelbagai teknik analisis seperti Indeks Daya Saing quote lokasi, shif share analisis jurang dan model belian dalam menilai tahap daya saing bandar diaplikasi dalam buku ini. Pelajar Institusi Pengajian Tinggi (IPT), ahli akademik dan perancang bandar malahan penganalisis ekonomi bandar wajar memiliki buku ini.

## SINOPSIS BUKU




**Transformasi dan Dayahuni Habitat Manusia**  
Bangi, Selangor :Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 2016. 412ms.  
ISBN 978-967-412-143-3

Buku ini mewacanakan perubahan habitat manusia daripada keadaan seimbang pada peringkat pristinnya kepada sebuah habitat binaan yang terbentuk daripada keunggulan citra dan cita-cita manusia untuk menakluk kemajuan kebendaan di bumi. Perubahan itu dipacu dengan kuat oleh pasaran yang memberikan nilai ekonomi terhadap setiap perkara yang wujud pada alam sekitar. Perubahan ini akan membawa pelbagai ancaman terhadap habitat dan kesejahteraan manusia sehingga menimbulkan kawasan yang bermasalah. Namun perubahan habitat manusia tidak semestinya berbentuk linier kerana boleh mengambil pelbagai bentuk yang lebih kompleks. Habitat manusia akan berubah daripada suatu bentuk asas ketika bilangan penduduk masih sedikit dengan teknologi yang mudah, tetapi mulai meledak apabila teknologi yang lebih canggih digunakan oleh penduduk yang lebih ramai dan berpengetahuan tinggi. Seterusnya habitat manusia yang terdidik dengan ilmu alam sekitar ini diharapkan akan menjadi habitat mapan untuk generasi masa kini dan masa hadapan ke arah mesra alam yang lebih terancang.

# Sari Pustaka


## SINOPSIS BUKU



Mohd Firdaus Bin Ramlan  
**Tersugung Dek Rasuah :  
Pengkisahan Nyata Dari  
Sebalik Tirai Besi**  
Seri Kembangan, Selangor :  
Bahtera Publishing, 2015.  
92ms.  
ISBN 978-967-1089-93-4

Penulisan ini adalah satu bentuk perkongsian dan atas nawaitu medium dakwah penulis berdasarkan pengalamannya sendiri yang terlibat dengan bahana rasuah sehingga telah dijatuhi hukuman penjara selama 1 tahun 7 bulan 4 hari dan 10 jam. Pengkisahan nyata beliau diceritakan secara kronologi merangkumi sejak mulai dilantik sebagai majistret sehingga terhumban ke dalam penjara dan diakhiri dengan status bekas banduan yang akan ditempuhi sehingga akhir hayatnya. Dinyatakan dengan jelas tanda dan punca-punca terjebaknya dengan rasuah, bahana rasuah kepada diri dan keluarga serta terhadap masyarakat mahu pun negara. Penulis merayu serta menegaskan agar menjauhi daripada rasuah kerana ketagihannya mengalahkan ketagihan terhadap dadah. Perkongsian pengalaman sebegini wajar dijadikan renungan dan sempadan untuk semua.

## SINOPSIS BUKU



### Kota Tinggi Daerah Pelancongan Bersejarah

Kuala Lumpur : Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2015. 140 ms.  
ISBN 978-967-5456-43-5

Buku ini dihasilkan atas insiatif Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia yang berhasrat untuk menerbitkan sebuah buku berinformasi yang mengandungi statistik dan maklumat asas bandar bersejarah, perancangan serta ekonomi. Daerah Kota Tinggi terkenal dengan kesan sejarah, flora dan fauna yang menarik, menjadikannya sesuai sebagai daerah pelancongan bersejarah. Gaya persembahan yang santai melalui penceritaan berimej amat menarik akan membuatkan pembaca untuk mengenali Kota Tinggi. Buku ini sarat dengan maklumat penting, huraian tentang Kota Tinggi sebagai tempat bersejarah dan kawasan tarikan pelancongan yang dipadankan dengan koleksi foto lama dan baharu yang penuh berwarna-warni. Buku ini amat sesuai sebagai bacaan umum terutama mereka yang gemar melancong serta cuti-cutি Malaysia.